

**PEMBENTUKAN INDEKS DAN PENENTU-
PENENTU DAYA SAING BAGI NEGERI-NEGERI
DI MALAYSIA**

LIM CHEE ANN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**PEMBENTUKAN INDEKS DAN PENENTU-
PENENTU DAYA SAING BAGI NEGERI-NEGERI
DI MALAYSIA**

oleh

LIM CHEE ANN

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

November 2020

PENGHARGAAN

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Ku Azam Tuan Lonik (Penyelia Utama) dan Dr. Radziah Adam (Penyelia Bersama) atas bimbingan, nasihat, dorongan, motivasi, sokongan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada saya dalam menghasilkan tesis ini. Perjalanan pengajian ijazah doktor falsafah ini tidak akan lengkap tanpa didikan dan komitmen mereka kepada saya. Selain itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah dan semua kakitangan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia (USM) yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah menaja sebahagian yuran pengajian saya melalui Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS). Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada semua agensi yang telah memberi kerjasama yang baik dalam pengumpulan sumber data dan maklumat untuk kajian ini. Sekalung penghargaan juga ingin diberikan kepada sahabat seperjuangan saya dalam pengajian doktor falsafah khususnya dan rakan-rakan sekerja saya amnya yang mendorong saya dalam menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali, ucapan yang tidak terhingga ditujukan khas kepada ibu, Koo Wang Hua, dan bapa, Lim Ming Hing, serta semua ahli keluarga yang lain. Sokongan yang tidak ternilai mereka telah membantu saya dalam menghasilkan tesis ini. Terima kasih kepada mereka kerana sentiasa memberi sokongan, dorongan serta memberi ruang untuk saya menimba ilmu pengetahuan.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	9
1.3 Persoalan Kajian.....	10
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Kesignifikanan Kajian.....	10
1.6 Skop Kajian	11
1.7 Definisi Operasional.....	12
1.7.1 Daya Saing	12
1.7.2 Daya Saing Ekonomi	13
1.7.3 Daya Saing Sosial	13
1.7.4 Daya Saing Persekitaran	13
1.8 Organisasi Kajian	14
1.9 Rumusan.....	15
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	16
2.1 Pendahuluan	16
2.2 Ulasan Teori	16
2.2.1 Konsep dan Ciri-Ciri Daya Saing	16

2.2.1(a)	Daya Saing Perniagaan.....	17
2.2.1(b)	Daya Saing Bandar, Wilayah, Serantau dan Negara.....	18
2.2.2	Pendekatan Menilai Daya Saing Wilayah.....	24
2.2.2(a)	Susunan Mudah	25
2.2.2(b)	Multi-hierarki	28
2.2.2(c)	Model Piramid.....	31
2.2.2(d)	Model Aset dan Hasil.....	32
2.2.2(e)	Model Fungsian.....	33
2.3	Ulasan Empirik.....	35
2.3.1	Ukuran Daya Saing Bandar.....	35
2.3.1(a)	Pendekatan Pemberat Secara Objektif	38
2.3.1(b)	Pendekatan Pemberat Secara Subjektif.....	44
2.3.2	Komponen dan Penentu Daya Saing Bandar	45
2.4	Jurang Kajian.....	62
2.5	Pendekatan Teori Pertumbuhan Ekonomi Wilayah	63
2.5.1	Model Pembangunan Ekonomi Dualistik Lewis	63
2.5.2	Analisis Kutub-Pertumbuhan.....	69
2.5.3	Teori Pengoptimum Saiz Bandar	72
2.6	Rumusan.....	75
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	76
3.1	Pendahuluan	76
3.2	Kerangka Konseptual	76
3.3	Pembentukan Model Daya Saing Negeri di Malaysia.....	81
3.3.1	Perspektif Ekonomi.....	85
3.3.1(a)	Prestasi Ekonomi.....	85
3.3.1(b)	Struktur Ekonomi.....	86
3.3.1(c)	Pemasaran dan Keterbukaan	86

3.3.2	Perspektif Sosial.....	87
	3.3.2(a) Kualiti Hidup.....	87
	3.3.2(b) Keselamatan Awam	88
3.3.3	Perspektif Persekitaran.....	89
	3.3.3(a) Kualiti Alam Sekitar.....	89
3.4	Pengiraan Indeks Daya Saing Negeri di Malaysia	90
	3.4.1 Proses Linearisasi dan Pelarasan Data	91
	3.4.2 Kaedah Pemberat Sebanding	92
3.5	Model Ekonometrik.....	96
3.6	Data dan Kaedah Persampelan	97
3.7	Kaedah Analisis.....	101
	3.7.1 Model Penganggar Kuasa Dua Terkecil Terkumpul.....	103
	3.7.2 Model Kesan Tetap	104
	3.7.3 Model Kesan Rawak	107
3.8	Pemilihan Model Panel	108
	3.8.1 Ujian <i>Poolability</i>	108
	3.8.2 Ujian Breusch and Pagan Lagrange Multiplier.....	109
	3.8.3 Ujian Hausman.....	110
3.9	Pemeriksaan Diagnostik	111
	3.9.1 Heteroskedastisiti	111
	3.9.2 Autokorelasi	111
	3.9.3 Ujian Kenormalan	112
3.10	Rumusan.....	113
BAB 4	DAPATAN KAJIAN.....	114
4.1	Pendahuluan	114
4.2	Penilaian Daya Saing Negeri di Malaysia.....	114
4.3	Hubungan Antara Enam Komponen Daya Saing Negeri.....	119

4.3.1	Aspek Daya Saing Ekonomi	122
	4.3.1(a) Prestasi Ekonomi.....	123
	4.3.1(b) Struktur Ekonomi.....	124
	4.3.1(c) Pemasaran dan Keterbukaan	126
4.3.2	Aspek Daya Saing Sosial	127
	4.3.2(a) Kualiti Hidup.....	129
	4.3.2(b) Keselamatan Awam	132
4.3.3	Aspek Daya Saing Persekitaran	133
	4.3.3(a) Kualiti Alam Sekitar.....	133
4.4	Pola Perubahan Indeks Daya Saing Negeri, 2005-2016	136
4.5	Analisis Regresi Data Panel	140
	4.5.1 Analisis Deskriptif	140
	4.5.2 Keputusan Penganggaran.....	143
	4.5.3 Pemeriksaan Diagnostik.....	148
4.6	Rumusan.....	150
BAB 5	KESIMPULAN	152
5.1	Pendahuluan	152
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	152
	5.2.1 Ringkasan Hasil Pembentukan Indeks Daya Saing Negeri	153
	5.2.2 Ringkasan Hasil Penilaian Sumbangan Komponen Daya Saing Negeri.....	154
	5.2.3 Ringkasan Hasil Analisis Penentu Indeks Daya Saing Negeri	158
5.3	Limitasi Kajian	160
5.4	Implikasi Dasar	161
5.5	Cadangan Penyelidikan akan Datang.....	166
5.6	Rumusan.....	167
	RUJUKAN	169

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 1.1	Perbandingan KDNK Per Kapita Purata dan KDNK Nominal Purata Mengikut Negeri	6
Jadual 2.1	Ringkasan Komponen dan Penentu Daya Saing Bandar	57
Jadual 2.2	Ringkasan Kaedah dan Komponen Pengukuran Daya Saing Bandar daripada Kajian Lepas	58
Jadual 3.1	Komponen dan Petunjuk Daya Saing Negeri di Malaysia.....	84
Jadual 3.2	Petunjuk dan Sumber Data.....	98
Jadual 4.1	Gambaran Umum Pembentukan Indeks Daya Saing Negeri, 2016.	116
Jadual 4.2	Kedudukan dan Nilai Indeks Daya Saing Negeri dan Enam Komponen Utama, 2016	118
Jadual 4.3	Taburan Daya Saing Negeri mengikut Komponen	120
Jadual 4.4	Korelasi Pearson Kedudukan Enam Komponen Utama	121
Jadual 4.5	Daya Saing dari Aspek Komponen Ekonomi antara Negeri, 2016..	123
Jadual 4.6	Purata Skor Petunjuk dalam Komponen Prestasi Ekonomi	124
Jadual 4.7	Purata Skor Petunjuk dalam Komponen Struktur Ekonomi	125
Jadual 4.8	Purata Skor Petunjuk dalam Komponen Pemasaran dan Keterbukaan	127
Jadual 4.9	Daya Saing dari Aspek Komponen Sosial antara Negeri, 2016.....	129
Jadual 4.10	Purata Skor Petunjuk dalam Komponen Kualiti Hidup	130
Jadual 4.11	Purata Skor Petunjuk dalam Komponen Keselamatan Awam.....	133
Jadual 4.12	Daya Saing dari Aspek Komponen Alam Sekitar antara Negeri, 2016.....	135
Jadual 4.13	Purata Skor Petunjuk dalam Komponen Kualiti Alam Sekitar	136

Jadual 4.14	Indeks Daya Saing Negeri di Malaysia, 2005-2016.....	139
Jadual 4.15	Statistik Deskriptif Panel	141
Jadual 4.16	Penentu Indeks Daya Saing Negeri (IDSN) dengan Penganggaran Panel.....	145
Jadual 4.17	Pemeriksaan Diagnostik Panel Statik	149

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 1.1	KDNK per kapita purata dan KDNK nominal purata mengikut negeri.....	7
Rajah 2.1	Model <i>dual</i> -sektor (Tradisional dan Moden) Lewis	64
Rajah 2.2	Keluk pengeluaran, keluaran purata dan keluaran sut sektor tradisional.....	65
Rajah 2.3	Keluk pengeluaran, keluaran purata dan keluaran sut sektor moden	67
Rajah 2.4	Model Kutub-Pertumbuhan.....	70
Rajah 2.5	Keluk kos dan faedah teori saiz bandar.....	73
Rajah 3.1	Kerangka konseptual kajian	80
Rajah 4.1	Indeks Daya Saing Negeri di Malaysia, 2016.....	115
Rajah 4.2	Pola perubahan Indeks Daya Saing Negeri di Malaysia, 2005-2016	138
Rajah 5.1	Indeks dan sumbangan komponen bagi tiga negeri berdaya saing di Malaysia	158
Rajah 5.2	Penentu-penentu daya saing negeri di Malaysia	160

SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
BNM	Bank Negara Malaysia
CCI	<i>Current Competitiveness Index</i>
CR	Jenayah Kekerasan
DEA	<i>Data Envelopment Analysis</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DTI	<i>Department of Trade and Industry</i>
ECM	Error Components Model
EnW	Pemberat Entropi
EPU	Unit Perancang Ekonomi
ETP	Pusat Transformasi Ekonomi
EW	Pemberat Sebanding
FA	Analisis Faktor
FDI	Pelaburan Asing Langsung
FEM	Model Kesan Tetap
GCI	<i>Growth Competitiveness Index</i>
IDSN	Indeks Daya Saing Negeri
IKHM	Indeks Kualiti Hidup Malaysia
IKHUM	Indeks Kualiti Hidup Urban Malaysia
IKRM	Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia
IMD	<i>Institute for Management Development</i>
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JB	<i>Jarque-Bera</i>
JKR	Jabatan Kerja Raya Malaysia
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
KA	Keselamatan Awam
KAS	Kualiti Alam Sekitar
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KDNKPK	Keluaran Dalam Negara Kasar Per Kapita
KH	Kualiti Hidup
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia

MIDA	Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia
MURNINet	Pembangunan Mampan Malaysia pada Peringkat Negeri dan Rangkaian Petunjuk Bandar Malaysia
NEM	Model Ekonomi Baru
NSB	Negara Sedang Membangun
OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PCA	Analisis Komponen Utama
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PE	Prestasi Ekonomi
PK	Pemasaran dan Keterbukaan
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PLS-SEM	<i>Partial Least Squares Structural Equation Model</i>
POLS	Model Penganggar Kuasa Dua Terkecil
REM	Model Kesan Rawak
RMK-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
RMK-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
SCORE	Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak
SD	Sisihan Piawai
SDC	Koridor Pembangunan Sabah
SE	Struktur Ekonomi
SEM	<i>Structural Equation Model</i>
SO ₂	Sulfur dioksida
TN50	Transformasi Nasional 2050
UPUB	Unit Pembangunan Usahawan Bumiputera Sarawak
UR	Kadar Pengangguran
WEF	<i>World Economic Forum</i>
WP	Wilayah Persekutuan

PEMBENTUKAN INDEKS DAN PENENTU-PENENTU DAYA SAING BAGI NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

ABSTRAK

Pada zaman globalisasi ini, daya saing bandar telah menjadi isu penting pada peringkat nasional dan global. Sesebuah bandar yang berdaya saing mempunyai ciri-ciri yang kompleks dan pelbagai dimensi. Konsep daya saing bandar merujuk kepada keupayaan sesebuah kawasan bandar untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang sesuai. Oleh sebab masalah ketersediaan data, kajian ini meneliti konsep daya saing bandar dari perspektif negeri dalam konteks Malaysia dengan menggunakan Indeks Daya Saing Negeri (IDSN) yang komprehensif untuk mengukur tahap daya saing bagi negeri-negeri di Malaysia. Sebanyak 24 petunjuk terbahagi kepada enam komponen seperti Prestasi Ekonomi (PE), Struktur Ekonomi (SE), Pemasaran dan Keterbukaan (PK), Kualiti Hidup (KH), Keselamatan Awam (KA) dan Kualiti Alam Sekitar (KAS) digunakan untuk menghitung IDSN di Malaysia dengan menggunakan kaedah pemberat sebanding. Hasil analisis menunjukkan bahawa Kuala Lumpur mempunyai tahap daya saing yang paling tinggi antara negeri di Malaysia. Semua negeri mencapai kedudukan yang berbeza-beza dalam pelbagai komponen dari aspek ekonomi, sosial dan persekitaran. Hasil analisis menunjukkan bahawa negeri yang paling berdaya saing mencapai nilai skor yang paling rendah untuk komponen KA manakala negeri yang paling tidak berdaya saing menduduki tempat pertama bagi komponen tersebut. IDSN yang dibangunkan ini berupaya melengkapkan indeks sedia ada seperti Indeks Kualiti Hidup Malaysia (MQLI) dan Rangkaian Indikator Nasional untuk Pembangunan Mampan Malaysia (MURNInets). Selain itu, kajian ini juga menjalankan analisis data panel statik untuk mengenal pasti penentu daya saing negeri

di Malaysia. Tiga model dalam analisis data panel digunakan iaitu Model Penganggar Kuasa Dua Terkecil Terkumpul (POLS), Model Kesan Tetap (FEM) dan Model Kesan Rawak (REM). Hasil analisis menunjukkan FEM adalah model yang paling sesuai digunakan dalam kajian ini. Penemuan kajian mendapati pembolehubah pelaburan langsung asing (FDI) mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap IDSNI. Selain itu, bilangan jenayah kekerasan (CR) menunjukkan hubungan yang negatif dan signifikan secara statistik terhadap IDSNI.

INDEX CONSTRUCTION AND DETERMINANTS OF COMPETITIVENESS FOR STATES IN MALAYSIA

ABSTRACT

In this era of globalization, urban competitiveness has become an important issue at the national and global level. The concept of a competitive city or state are complex and multi-dimensional. It refers to the ability of an urban area to provide an appropriate business environment. Due to data availability issues, this study examine the concept of urban competitiveness from the perspective of states in the Malaysian context by using the comprehensive States Competitiveness Index (IDSN) to measure the level of competitiveness of 14 states in Malaysia. The index formation is based on 24 indicators within six components namely Economic Performance (PE), Economic Structure (SE), Marketization and Openness (PK), Quality of Life (KH), Public Security (KA) and Environmental Quality (KAS) used to calculate IDSN in Malaysia by using Equal Weighting methods. The results of the analysis show that Kuala Lumpur has been the most competitive state in Malaysia. These states have achieved varying degrees in economic, social and environmental aspects. The analysis shows that the most competitive states achieved the lowest score for the Public Security component while the least competitive states ranked first for that component. The IDSN developed will complement the existing Competitive Index such as the Malaysian Quality of Life Index (MQLI) and the National Indicators for Sustainable Development Malaysia (MURNInets) Network. In addition, the study also conducted static panel data analysis to identify determinants of state competitiveness in Malaysia. A total of three models in panel data analysis were used: Pooled Ordinary Least Squares (POLS), Fixed Effect Model (FEM) and Random Effect Model (REM). The

results show that the FEM is the most suitable model used in this study. The findings of the study found that the foreign direct investment (FDI) variable has a significant positive relationship with IDSN. Besides, number of violent crimes (CR) shows a statistically negative significant relationship with IDSN.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Daya saing telah menjadi suatu isu yang amat serius di Malaysia. Sesebuah negara perlu mengekalkan tahap daya saing yang tinggi dengan liberalisasi perdagangan antarabangsa pada peringkat global untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat tempatan dan pembangunan ekonomi (Ariff, 2005). Tambahan beliau, syarikat yang berdaya saing pada peringkat antarabangsa adalah dipengaruhi oleh persekitaran di negara asalnya. Malaysia telah menyediakan pelbagai kemudahan dan polisi supaya membolehkan syarikat tempatan dapat bersaing secara efektif pada peringkat antarabangsa. Hal ini termasuk pemerkasaan perkhidmatan awam dengan lebih telus dan sistem penyampaian yang lebih baik.

Terdapat beberapa definisi daya saing yang telah dikenal pasti oleh pengkaji terdahulu. Sebagai contoh, Nasution dan Hidayat (2015) mendefinisikan daya saing sebagai suatu konsep yang berkait rapat dengan pembangunan ekonomi tempatan. Tambahan beliau, daya saing merupakan kemampuan menghasilkan barangan dan perkhidmatan untuk memenuhi kehendak tempatan dan antarabangsa. Selain itu, Malecki dan Oinas (1999) berpendapat bahawa daya saing bandar merujuk kepada kemampuan dan pembangunan ekonomi untuk menghasilkan kualiti hidup yang tinggi untuk masyarakat setempat. Daya saing bandar adalah kemampuan pihak berkuasa sesebuah kawasan untuk meningkatkan daya pengeluaran barangan dan perkhidmatan ke peringkat antarabangsa dan seterusnya menyumbang kepada hasil dan kualiti hidup masyarakat tempatan (Charles & Benneworth, 2000).

Daya saing bandar adalah kemampuan aktiviti ekonomi yang dalam bersaing pada peringkat domestik dan antarabangsa untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat tempatan (Abdullah, 2002). Daya saing bandar didefinisikan sebagai kemampuan sesebuah bandar menghasilkan barangan dan perkhidmatan untuk memenuhi kehendak pasaran antarabangsa di samping meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan sesebuah tempat (European Commission, 1999). Sementara itu, Camagni (2002) berpendapat bahawa daya saing bandar adalah berkaitan dengan kemampuan sesebuah bandar untuk menarik pelaburan langsung asing dalam meningkatkan produktiviti setempat. Oleh itu, definisi daya saing dapat disimpulkan sebagai kemampuan dan pembangunan ekonomi sesebuah bandar dalam menghasilkan barangan dan perkhidmatan untuk persaingan pada peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Walau bagaimanapun, masih tiada definisi standard yang boleh diterima umum mengenai daya saing bandar pada masa ini. Ramai pengkaji terdahulu telah mengemukakan pendapat yang sama. Mereka menjelaskan bahawa konsep daya saing bandar merupakan suatu konsep yang kompleks, rumit dan bersifat multidimensi (Button, 2002; Choon et al., 2011; Li & Ma, 2011; Li et al., 2009; Sáez & Periáñez, 2015; Shi, Hutchinson & Xu, 2004; Turok, 2004). Dalam konteks Malaysia, tahap daya saing sesebuah bandar adalah seiring dengan pertumbuhan dan daya saing sesebuah wilayah atau negeri. Hal ini boleh dilihat dari segi pencapaian bandar Kuala Lumpur, Georgetown dan Johor Bahru yang selaras dengan prestasi pertumbuhan yang tinggi masing-masing di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor. Oleh itu, kajian ini menyatukan perbincangan dalam konteks kemajuan dan daya saing bagi kategori bandar dan negeri atau wilayah.

Pada era globalisasi ini, sektor ekonomi dan pembangunan manusia memberi impak yang signifikan terhadap pembangunan sesebuah negara, khususnya pembangunan di kawasan bandar kerana proses pembangunan dari segi ekonomi dan manusia lebih tertumpu di kawasan tersebut (UN-Habitat, 2002). Kawasan yang berdaya saing telah menjadi punca utama berlakunya proses pembangunan ekonomi dan manusia. Sejak pra-kemerdekaan, terdapat dua komponen penting sebagai penjana pembangunan ekonomi Malaysia iaitu perdagangan antarabangsa dan kemasukan modal asing. Pada zaman tersebut, ekonomi Malaysia telah berorientasikan eksport (Mohamed Aslam & Asan Ali, 2003).

Globalisasi telah meningkatkan tahap persaingan negara di pasaran antarabangsa. Situasi tersebut bukan sahaja memerlukan kestabilan struktur makroekonomi tempatan tetapi komponen ekonomi mikro yang merangkumi pelbagai sektor ekonomi dan syarikat tempatan juga diperlukan. Untuk menyelaraskan dengan fenomena globalisasi, pertumbuhan ekonomi di negara Malaysia kini lebih berteraskan ilmu dan pengetahuan (K-Ekonomi) (Coats, 2005). Pembentukan sebuah negara yang berdaya saing untuk suatu jangka masa yang panjang memerlukan pelaksanaan aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dalam semua sektor seperti sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian. Perkara tersebut dapat mengenal pasti sumber-sumber baru dari pelbagai sektor dan digunakan untuk menjana pendapatan yang lebih lumayan serta menikmati sumber kekayaan ekonomi baru. Kesan utama globalisasi adalah peningkatan daya saing antara wilayah atau negeri.

Menurut Begg (2002), negara memerlukan perancangan pembangunan yang inovatif untuk memastikan negara mampu bersaing dalam ekonomi global yang

kompetitif ini. Pembangunan ekonomi negara masa ini kian menekankan transformasi ke arah ekonomi yang berasaskan pengetahuan (Coats, 2005). Oleh itu, persekitaran sosial dan ekonomi yang berdaya saing perlu dilihat dari segi struktur ekonomi, penyediaan infrastruktur, institusi, kerajaan dan sumber manusia. Pada masa ini, sektor ekonomi di Malaysia amat memerlukan pembangunan dari semua aspek seperti yang telah dinyatakan. Kelebihan tersebut akan meningkatkan sektor perkhidmatan seperti perbankan, penyelidikan dan pembangunan, pemrograman dan pengkomputeran serta lain-lain (Webster & Muller, 2000).

Hal ini selaras dengan pendapat Sassen (2018) yang menekankan bahawa persekitaran sosial dan ekonomi bandar akan mendorong kepada perkembangan ekonomi daripada sektor pembuatan dan perkhidmatan. Kini, persaingan yang semakin sengit berlaku antara bandar dan negara pada peringkat antarabangsa. Bandar yang berdaya saing mampu mewujudkan persaingan agresif yang berkualiti untuk meningkatkan kadar pelaburan pelabur asing dan pertumbuhan dalam sektor pelancongan di sesebuah negara. Secara umumnya, pertumbuhan populasi penduduk dan peningkatan pelaburan awam akan memberi kesan kepada peningkatan produktiviti tempatan dan inovasi dalam kualiti alam sekitar (Turok, 2004).

Malaysia merupakan antara negara yang paling berdaya saing dan berada di kedudukan teratas dalam kalangan negara-negara membangun di Asia. Berdasarkan Laporan Daya Saing Global (GCR) yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF, 2019) Malaysia mencapai kedudukan ke-27 antara 141 negara di dunia pada tahun 2019. Kedudukan tersebut menunjukkan Malaysia mempunyai tahap daya saing yang tinggi dalam kalangan beberapa negara jiran seperti Thailand (ke-40), Indonesia

(ke-50), Filipina (ke-64) dan Vietnam (ke-67) malahan Singapura mencapai kedudukan pertama antara 141 negara. Dasar kerajaan yang dilaksanakan untuk pembangunan masyarakat merupakan inisiatif yang penting untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Oleh yang demikian, beberapa dasar kerajaan telah dilaksanakan untuk mentransformasikan Malaysia ke arah negara yang lebih berdaya saing di persada dunia.

Pelbagai usaha dan polisi telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak merdeka sehingga sekarang dalam usaha meningkatkan pembangunan ekonomi yang lebih seimbang antara negeri. Dasar yang telah dilaksanakan telah memberi kesan dengan merapatkan jurang perbezaan sepanjang zaman 60-an dan 70-an (Salleh & Osman, 1983). Antaranya adalah Dasar Ekonomi Baru yang dirancang untuk tempoh masa 20 tahun dari 1971 hingga 1990; Wawasan 2020 untuk tempoh 20 tahun dari tahun 1991 hingga 2020; Model Ekonomi Baru (NEM) yang dilaksanakan pada 30 Mac 2010; Program Transformasi Ekonomi (ETP) dilancarkan pada 25 September 2010; Transformasi Nasional 2050 (TN50) dilancarkan pada 19 Januari 2017; dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk tempoh 10 tahun dari tahun 2021 hingga 2030.

Akan tetapi, sehingga kini masih terdapat perbezaan yang nyata terdapat jurang antara negeri di Malaysia. Dalam situasi masa ini, terdapat beberapa negeri yang menikmati pembangunan yang pesat berbanding negeri lain, misalnya negeri Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor. Situasi ini dapat dilihat dengan merujuk kepada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita purata dan KDNK nominal purata. Jadual 1.1 menunjukkan anggaran nilai KDNK per kapita dan KDNK nominal purata mengikut negeri dari tahun 2005 hingga 2018 bertempoh 14 tahun.

Jadual 1.1

Perbandingan KDNK Per Kapita Purata dan KDNK Nominal Purata Mengikut Negeri


Negeri	KDNK per kapita purata (RM)	KDNK nominal purata (RM juta)
WP Kuala Lumpur	75,838	132,129
Sarawak	38,914	92,575
Pulau Pinang	38,157	61,028
Selangor	35,753	201,440
Melaka	32,998	26,962
Negeri Sembilan	31,734	32,132
Pahang	26,092	38,351
Johor	24,935	83,497
Terengganu	23,178	24,398
Perak	20,721	48,002
Perlis	18,399	4,285
Sabah	18,265	57,881
Kedah	15,518	30,286
Kelantan	10,263	16,451

Sumber: Jabatan Statistik Malaysia (ubahsuai).

Nota: Dikira dengan nilai KDNK per kapita dan KDNK nominal mengikut negeri dari 2005-2018 dibahagikan 14 tahun.

KDNK per kapita antara negeri di Malaysia juga menunjukkan jurang yang besar antara negeri yang mencapai nilai yang paling tinggi dan rendah. Jadual 1.1 menunjukkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatat nilai KDNK per kapita purata yang paling tinggi iaitu kira-kira RM75,838 setiap tahun. Sarawak (RM38,914) dan Pulau Pinang (RM38,157) menduduki tempat kedua dan ketiga tertinggi untuk nilai KDNK per kapita purata bagi tempoh 14 tahun tersebut. Manakala Kelantan telah mencatat nilai KDNK per kapita purata yang terendah antara negeri iaitu kira-kira RM10,263.

Selain itu, Selangor telah mencapai KDNK purata paling tinggi antara negeri dengan nilai kira-kira RM201 bilion setahun. Hal ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri Sarawak yang mencatat nilai purata KDNK nominal kira-kira RM132 bilion dan RM92 bilion masing-masing setiap tahun. Selain itu, KDNK nominal purata bagi dua negeri terendah adalah Kelantan (RM16 bilion) dan Perlis (RM4 bilion). Nilai KDNK nominal purata antara negeri yang paling tinggi dan rendah menunjukkan jurang yang besar iaitu kira-kira RM197 bilion. Ketidakseimbangan pembangunan ekonomi antara negeri jelas ditunjukkan oleh nilai KDNK nominal purata. Kedua-dua nilai KDNK per kapita purata dan KDNK nominal purata menjelaskan bahawa terdapat jurang pembangunan yang ketara antara beberapa negeri di Malaysia. Rajah 1.1 menunjukkan perbandingan KDNK per kapita purata dan KDNK nominal purata mengikut negeri.



Rajah 1.1 KDNK per kapita purata dan KDNK nominal purata mengikut negeri.

Sementara itu, Fauzi Hussin dan Ku Azam Tuan Lonik (2009) berpendapat bahawa ketidakseimbangan pertumbuhan ekonomi antara negeri berpunca daripada

pelbagai faktor yang merangkumi faktor sejarah pemerintahan British yang lebih menekankan pembangunan di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung. Zairon Othman (1996) menjelaskan bahawa corak pembangunan yang menumpukan kepada beberapa negeri di Pantai Barat semasa pemerintahan British telah meninggalkan impak sehingga kini. Antara negeri yang tergolong dalam kategori terkaya masih terletak di Pantai Barat Semenanjung seperti Selangor dan Kuala Lumpur. Sebaliknya, negeri-negeri yang terletak di Pantai Timur dan Utara Semenanjung Malaysia seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Perlis masih merupakan negeri yang mundur.

Di Malaysia, kajian mengenai penilaian tahap daya saing masih kurang berbanding di negara maju seperti China, India dan United Kingdom (Singhal, McGreal & Berry, 2013a, 2013b; So & Shen, 2004). Walau bagaimanapun, kajian penilaian daya saing kurang menekankan kepada faktor dan petunjuk yang boleh menilai dan mempengaruhi tahap daya saing sesebuah negara. Menurut Chang (2010), institusi merupakan penentu kepada pembangunan dan firma. Selain itu, institusi juga memainkan peranan penting dalam melaksanakan program atau dasar pembangunan masyarakat dengan menyediakan kemudahan infrastruktur, pendidikan dan sumber kewangan. Oleh itu, peranan institusi dalam menentukan sesebuah negara ke arah yang lebih berdaya saing adalah saling berhubung kait untuk masyarakat dan negara. Institusi yang cemerlang mampu menghasilkan pembangunan ekonomi negara dan masyarakat yang baik (Chang & Evans, 2005).

1.2 Pernyataan Masalah

Daya saing boleh ditunjukkan oleh kemampuan dan pembangunan aktiviti ekonomi yang dapat bersaing pada peringkat tempatan dan antarabangsa untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat tempatan (Abdullah, 2002; Nasution & Hidayat, 2015; Turok et al., 2004). Pembangunan aktiviti ekonomi pula dapat dilihat daripada dua petunjuk utama iaitu KDNK dan KDNK per kapita (Wong, Ho & Autio, 2005). Di Malaysia, kedua-dua nilai petunjuk tersebut telah menunjukkan ketidakseimbangan daya saing yang ketara antara negeri. Shamsudin Kassim (1984) berpendapat bahawa beberapa masalah utama dalam pembangunan ekonomi Malaysia boleh dikaitkan dengan isu ketidaksamaan atau jurang yang ketara antara negeri.

Terdapat komponen yang memberi impak yang positif atau negatif untuk negeri-negeri di Malaysia. Menurut Turok (2002), daya saing mempunyai ciri-ciri yang kompleks dan multidimensi. Akan tetapi, masih ketiadaan bukti sumbangan yang menjelaskan kelebihan dan kekurangan setiap negeri berdasarkan komponen daya saing. Kekurangan atau ketiadaan pendekatan pengukuran tahap daya saing antara negeri yang komprehensif menjadi antara punca ketidakseimbangan daya saing dan wujudnya jurang antara negeri di Malaysia. Selain itu, negeri-negeri di Malaysia menunjukkan ketidakstabilan daya saing. Terdapat negeri yang mencapai nilai KDNK atau KDNK per kapita yang tinggi untuk satu tempoh yang panjang.

1.3 Persoalan Kajian

Dengan merujuk kepada beberapa permasalahan dan isu yang diketengahkan di atas, beberapa persoalan kajian telah dibentuk yang menjadi asas kajian ini iaitu:

- i) Adakah daya saing mengikut negeri berbeza di Malaysia?
- ii) Apakah sumbangan komponen yang mempengaruhi kedudukan daya saing negeri di Malaysia?
- iii) Apakah penentu daya saing negeri di Malaysia?

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengukur tahap daya saing negeri dan mengenal pasti penentu-penentu daya saing negeri di Malaysia. Objektif spesifik kajian adalah seperti berikut:

- i) Mengkaji tahap daya saing mengikut negeri di Malaysia.
- ii) Menilai sumbangan komponen yang mempengaruhi tahap daya saing negeri di Malaysia.
- iii) Mengenal pasti penentu-penentu daya saing negeri di Malaysia.

1.5 Kesignifikanan kajian

Pada era 1990-an, perbincangan tentang daya saing bandar oleh Kresl (1995) lebih tertumpu kepada indikator pembangunan ekonomi. Akan tetapi, semakin banyak perbincangan dan penyelidikan serta teori telah dikemukakan dan menjelaskan bahawa daya saing bandar bukan sahaja perlu diukur atau dinilai daripada impak kejayaan ekonomi sahaja (Deas & Giordano, 2001). Menurut Porter (2000) menjelaskan bahawa

daya saing bandar perlu diperkukuhkan dengan membentuk idea perniagaan baru, meningkatkan produktiviti dan merangsang aktiviti kreatif dan inovasi. Beliau menegaskan bahawa daya saing yang berkesan terjadi secara komprehensif apabila kewujudan beberapa perusahaan di sesebuah bandar berbanding di kawasan lain.

Dengan itu, ukuran daya saing perlu mengambil kira petunjuk-petunjuk bersifat multidimensi seperti aspek ekonomi, sosial, budaya, alam sekitar, polisi kerajaan dan sebagainya. Kajian ini menghasilkan satu pendekatan baru yang tidak hanya menumpukan aspek ekonomi, tetapi merangkumi sosial dan alam sekitar dalam mengukur daya saing negeri di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga menyumbang kepada pembentukan indeks daya saing negeri dan faktor utama yang mempengaruhi daya saing negeri di Malaysia untuk mengenal pasti kelebihan dan kelemahan sesebuah negeri tersebut.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini menumpukan kepada pembentukan indeks daya saing negeri dan sumbangan komponen yang mempengaruhi daya saing negeri serta penentu daya saing negeri di Malaysia. Kajian ini memberi tumpuan kepada aspek daya saing semua negeri di Malaysia secara terperinci. Untuk mengukuhkan lagi kajian ini, skop kajian akan menumpukan kepada pertumbuhan dan kemajuan dari tiga aspek utama iaitu ekonomi, sosiobudaya dan alam sekitar. Berdasarkan kepada tiga aspek utama tersebut, kajian ini akan melihat lebih terperinci terhadap setiap aspek bagi setiap kawasan kajian. Sebagai contoh, pembangunan ekonomi akan dilihat dari sudut prestasi ekonomi; struktur ekonomi; dan keterbukaan dan pemasaran. Pembangunan dari sudut sosial dilihat dari aspek sumber manusia dan pendidikan; dan kualiti hidup manakala

alam sekitar akan melihat kepada aspek pencemaran air, udara dan rawatan pencemaran tersebut.

Definisi dan konsep daya saing adalah berbeza antara negara. Dalam kerangka kajian ini, konsep daya saing bandar diadaptasikan dalam konteks daya saing negeri di Malaysia. Berdasarkan kepada ketersediaan data, kajian ini menumpukan perbincangan dari tahun 2005 hingga 2016. Sebanyak 14 buah negeri terlibat dalam kajian ini iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini menggabungkan analisis Wilayah Persekutuan Putrajaya dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan dalam Sabah kerana kekurangan sumber data bagi wilayah dan negeri tersebut.

1.7 Definisi Operasional

Bahagian ini menerangkan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini. Terdapat empat definisi utama iaitu daya saing, daya saing ekonomi, daya saing sosial dan daya saing persekitaran.

1.7.1 Daya Saing

Daya saing merujuk kepada kemampuan dan pembangunan ekonomi sesebuah bandar dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat tempatan dan menghasilkan barangan dan perkhidmatan bagi persaingan pada peringkat tempatan dan antarabangsa (Abdullah, 2002; Charles & Benneworth, 2000; Malecki & Oinas, 1999; Nasution & Hidayat, 2015). Daya saing merangkumi pelbagai disiplin ilmu dan dimensi seperti daya saing perniagaan, daya saing bandar (mikro) dan daya saing

negara (makro). Daya saing bandar dan daya saing negara saling berkait antara satu sama lain (Bruneckiene, Guzavicius & Cincikaite, 2010).

1.7.2 Daya Saing Ekonomi

Pertumbuhan atau pembangunan sesebuah bandar atau negeri boleh dinilai dengan dua petunjuk iaitu KDNK dan KDNK per kapita (Mattoo, Subramanian & Rathindran, 1999; Wong, Ho & Autio, 2005). Penggunaan kedua-dua petunjuk tersebut adalah bergantung kepada objektif atau tujuan kajian. Baumol dan Blinder (1999) menjelaskan bahawa KDNK, KDNK per kapita dan produktiviti buruh merupakan tiga pengukur asas pertumbuhan ekonomi.

1.7.3 Daya Saing Sosial

Definisi daya saing sosial kajian ini menerangkan petunjuk sosial yang boleh mempengaruhi kualiti hidup masyarakat tempatan seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan dan lain-lain. Menurut Deas dan Giordano (2001), aspek sosial juga menumpukan kepada kualiti infrastruktur dan kemudahan awam seperti pengangkutan, dan perkhidmatan pos.

1.7.4 Daya Saing Persekitaran

Kajian ini juga menggunakan istilah persekitaran atau alam sekitar dalam menerangkan hal-hal yang mengelilingi kehidupan harian masyarakat seperti tanah, air, udara, cuaca dan sebagainya. Selain itu, Ahmad Badri Mohamad (1987) berpendapat bahawa aspek ini dapat dijelaskan dengan ekosfera yang merangkumi ekosistem yang saling berhubung kait. Ekosistem adalah terdiri daripada faktor biologi saling bergantung antara faktor biologi dan fizikal.

1.8 Organisasi Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini mengandungi lima bab. Bab Satu menjelaskan pendahuluan kajian yang melibatkan perbincangan terhadap isu dan konsep daya saing di Malaysia dan antarabangsa seperti latar belakang, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kesignifikanan kajian, definisi operasional dan diakhiri dengan organisasi kajian.

Seterusnya, Bab Dua pula membincangkan sorotan literatur. Perbincangan dalam bab ini terbahagi kepada enam bahagian secara umum dan khusus terhadap konsep, teori dan faktor yang berkaitan dalam kajian ini. Bab ini juga membincangkan secara khusus bagi komponen dan petunjuk yang digunakan dalam kajian ini. Selain itu, bab ini menghuraikan hasil dapatan kajian lepas dengan kaedah penilaian daya saing bandar yang berbeza. Bab ini diakhiri dengan rumusan daripada dapatan kajian-kajian terdahulu.

Manakala, Bab Tiga menerangkan metodologi kajian. Bab ini membincangkan kaedah yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Pelbagai kaedah kajian digunakan bagi tujuan analisis seperti reka bentuk model kajian, jenis dan prosedur ujian-ujian statistik, pembentukan pembolehubah, pemilihan petunjuk, pembinaan kerangka kerja konseptual, pendekatan kuantitatif dan pengumpulan data. Kaedah tersebut diaplikasikan untuk menjawab objektif dan persoalan kajian. Selain itu, sumber-sumber data juga diterangkan dalam bahagian ini.

Sementara itu, Bab Empat membincangkan tentang dapatan kajian dalam menganalisis kedudukan daya saing negeri (objektif i dan ii) dengan menggunakan

kaedah pemberat sebanding. Pendekatan yang telah dikenal pasti dalam kajian ini akan dianalisis dengan teratur dan jelas dengan berpandukan kepada penerangan di Bab Tiga. Selain itu, bab ini juga akan memperincikan hasil analisis dengan menggunakan kaedah analisis secara ekonometrik untuk mendapatkan hasil kajian bagi objektif iii.

Bab Lima merujuk kepada kesimpulan kajian ini. Bab ini dimulakan dengan perbincangan ringkasan dapatan kajian. Seterusnya membuat kesimpulan secara menyeluruh dapatan kajian berdasarkan objektif umum dan spesifik kajian yang telah ditetapkan dalam bab satu. Bab ini turut membincangkan impak kajian terhadap kerajaan tempatan, masyarakat dan negara serta dasar. Bab ini diakhiri dengan perbincangan cadangan kajian untuk masa akan datang.

1.9 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah menjelaskan tentang latar belakang daya saing di Malaysia. Bab ini juga menerangkan dasar yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan tahap daya saing Malaysia pada peringkat antarabangsa. Selain itu, bab ini juga menyatakan dengan jelas pernyataan masalah kajian ini, persoalan kajian, tiga objektif kajian, kesignifikanan kajian, skop kajian, definisi yang digunakan dalam perbincangan seterusnya dan organisasi kajian.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Perbincangan bab ini terbahagi kepada enam bahagian yang menghuraikan dapatan kajian terdahulu berkaitan dengan isu-isu daya saing bandar. Bahagian 2.2 membincangkan ulasan teori yang merangkumi konsep dan ciri-ciri daya saing dan pendekatan menilai daya saing bandar. Bahagian 2.3 membincangkan ulasan empirik tentang kaedah pengukuran daya saing yang sesuai digunakan dalam kajian-kajian lepas. Selain itu, komponen dan petunjuk yang digunakan untuk menilai daya saing turut dibincangkan. Bahagian 2.4 menjelaskan jurang literatur manakala Bahagian 2.5 menjelaskan pendekatan teori pertumbuhan ekonomi wilayah dan bab ini diakhiri dengan rumusan keseluruhan.

2.2 Ulasan Teori

Bahagian ini menerangkan teori daya saing yang telah dikenal pasti dalam kajian-kajian lepas. Selain itu, bahagian ini juga menjelaskan secara terperinci pendekatan untuk menilai daya saing sesebuah wilayah berdasarkan kajian literatur terdahulu.

2.2.1 Konsep dan Ciri-Ciri Daya Saing

Konsep daya saing merentasi pelbagai disiplin ilmu dan skop seperti daya saing perniagaan, daya saing bandar dan daya saing negara. Daya saing bukan sahaja melihat kepada pertumbuhan semata-mata malah melibatkan proses evolusi ekonomi yang mendatangkan impak yang signifikan (Kresl, 1995). Menurut Kresl (1995), daya saing

perlu dilihat sebagai pembinaan kapasiti dan bukannya pencapaian. Selanjutnya, Kresl (2013) telah mengemukakan kaedah yang dapat meningkatkan daya saing sesebuah kawasan.

Sejak dua dekad yang lalu, konsep daya saing semakin diterapkan dan dinilai pada empat tahap yang beza, iaitu daya saing perniagaan (Fatimah Yusof, Katiman Rostam & Zikri Muhammad, 2008), daya saing bandar (Storper, 1997), daya saing negara (Camagni, 2002) dan daya saing serantau (Malecki, 2002). Bruneckiene, Cincikaite dan Kilijoniene (2012) menjelaskan bahawa daya saing bandar dan daya saing negara atau serantau mempunyai hubungan yang rapat. Oleh itu, sesebuah negara atau rantau yang kompetitif akan mengandungi bandar yang berdaya saing. Walau bagaimanapun, Lever dan Turok (1999) berpendapat bahawa terdapat perbezaan antara daya saing negara, daya saing perniagaan dan daya saing bandar.

2.2.1 (a) Daya Saing Perniagaan

Fatimah et al. (2008) melihat daya saing perniagaan dari dua aspek iaitu mikro dan makro. Secara umumnya, daya saing dalam skop mikro merujuk kepada daya saing sesebuah perniagaan atau institusi manakala skop makro menjurus kepada daya saing sesebuah bandar. Kedua-dua skop tersebut mempunyai hubungan yang rapat dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Konsep daya saing secara mikro menerangkan tahap kebolehan firma untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak pasaran dari segi harga, kuantiti dan kualiti (Fatimah et al., 2008).

Di United Kingdom, *Department of Trade and Industry* (1995) menjelaskan bahawa daya saing perniagaan merupakan keupayaan untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan dan pada masa yang tepat. Hal ini membolehkan firma menjadi lebih cekap dan efisien dalam memenuhi keperluan pengguna berbanding firma lain. Menurut Garelli (1995), pengusaha akan menetapkan tahap keuntungan dan tahap pencapaian produktiviti sebagai pengukur utama bagi sesuatu perniagaan. Daya saing perniagaan turut menjadi ukuran kemampuan sesebuah firma dalam mencapai prestasi yang baik dari segi keuntungan berbanding dengan firma lain.

Walau bagaimanapun, Garelli (1995) menegaskan bahawa konsep daya saing perniagaan tidak sesuai digunakan untuk mengukur entiti yang berlainan dalam skop makro seperti bandar dan negara. Pengukuran daya saing sesuatu perniagaan dan bandar adalah dua perkara yang amat berbeza. Menurutnya, daya saing perniagaan dapat diukur dengan menggunakan tahap keuntungan dan produktiviti, manakala daya saing bandar boleh dipengaruhi oleh pelbagai aspek seperti faktor ekonomi, sosial, persekitaran, kualiti hidup dan lain-lain.

2.2.1 (b) Daya Saing Bandar, Wilayah, Serantau dan Negara

Fatimah et al. (2008) berpendapat bahawa daya saing dari sudut makro berkait rapat dengan keunikan dan persekitaran yang menarik bagi sesebuah bandar. Bandar yang mempunyai kelebihan tersebut mampu menarik pengusaha atau firma melabur dan melakukan aktiviti-aktiviti ekonomi. Menurut mereka, pihak terbabit seperti kerajaan tempatan perlu sentiasa mempertingkatkan kedudukan dan kemampuan bandar agar menjadi sebuah bandar yang strategik untuk pelaburan. Hal ini dapat

menggalakkan pelaburan dalam sesebuah bandar dan seterusnya membantu firma-firma meningkatkan daya saing perniagaan masing-masing.

Daya saing dalam konteks serantau merujuk kepada agregatif ekonomi yang berasaskan pelbagai sumber daya saing yang mungkin dan tidak terhad kepada faktor-faktor ekonomi (*European Commission*, 2003). Konsep daya saing berhubung kait dengan potensi pembangunan teknologi sebagai impak daripada pendidikan dan pelaburan bagi pembangunan sumber manusia (Vega-Rosado, 2006). Berdasarkan *World Economic Forum* (WEF) (2008), daya saing dapat dinilai daripada dua dimensi yang beza iaitu Indeks Daya Saing Semasa (CCI) dan Indeks Daya Saing Pembangunan (GCI). Penentu dalam indeks CCI pula terbahagi kepada dua kategori iaitu a) kecanggihan operasi dan strategi syarikat dan b) kualiti persekitaran perniagaan negara. Untuk mengukur pertumbuhan masa depan ekonomi, GCI menggunakan tiga indeks yang berbeza termasuk indeks kreativiti ekonomi, indeks kewangan, dan indeks antarabangsa.

Selanjutnya, WEF (2008) menjelaskan bahawa daya saing sesebuah negara melalui beberapa faktor yang berhubung kait seperti institusi, dasar, polisi dan faktor yang membawa kesan kepada tahap produktiviti. Selain itu, *International Institute for Management Development* (IMD) (2003) pula menilai daya saing sesebuah negara dengan menggunakan empat faktor iaitu prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur. Secara ringkasnya, laporan IMD turut menekankan keupayaan sesuatu tempat dalam mengekalkan persekitaran dan menghasilkan lebih nilai dalam sektor perniagaan, pembuatan dan kemakmuran negara.

Lever (1999) pula menerangkan bahawa perbandingan daya saing antara bandar menekankan perbezaan daripada beberapa aspek penting dan tahap efisien sesebuah negara sebagai asas perdagangan. Antara aspek penting adalah sumber semula jadi, kemahiran manusia dan modal. Hu (2015a) menerangkan daya saing bandar merujuk kepada proses perkembangan pekerjaan ke arah menarik minat orang ramai memperoleh nilai tambah tinggi. Takrifan ini menekankan kepada prestasi ekonomi bandar, khususnya sektor ekonomi berasaskan pengetahuan. Tambahan beliau, daya tarikan penduduk di bandar merupakan fungsi bagi faktor ekonomi dan bukan ekonomi. Tahap daya saing sesebuah bandar diukur oleh tiga pembolehubah seperti pekerjaan, penduduk dan pendapatan untuk membina sebuah indeks daya saing bandar.

Menurut D'Arcy dan Keogh (1999), sesebuah bandar yang berdaya saing berpotensi untuk mengeksploitasi kelebihan persaingan, menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan mampan serta mampu bersaing dengan bandar-bandar lain. *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) (2001) menyatakan bahawa pasaran yang bebas dan adil akan mewujudkan sebuah negara yang berdaya saing. Pasaran tersebut mampu menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak pasaran antarabangsa. Menurut Li dan Ma (2011), daya saing bandar berasaskan kepada suatu sistem indeks yang boleh menilai prestasi bandar secara kuantitatif ataupun indikator yang bersifat objektif. Penilaian daya saing bandar perlu merangkumi aspek seperti pertumbuhan ekonomi, keterbukaan bandar, kualiti hidup, infrastruktur dan persekitaran hidup di sesebuah bandar. Indeks tersebut mampu menilai setiap perubahan kompetitif bagi bandar yang berbeza.

Scott dan Storper (2003) pula menjelaskan bahawa proses pengeluaran yang mendatangkan keuntungan lumayan terhadap sesebuah bandar dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi, kemakmuran bandar dan peningkatan kualiti hidup penduduk tempatan apabila wujud peluang pekerjaan dan penawaran kadar upah yang tinggi serta kadar pengangguran yang rendah. Komninos (2015) pula berpandangan bahawa bandar yang berdaya saing perlu mempunyai teras teknologi dan pengetahuan agar mampu menggalakkan pelaburan sama ada tempatan mahupun asing. Hal ini dicapai dengan memberikan tumpuan kepada bidang penyelidikan dan pembangunan, penciptaan produk baru dan rangkaian perniagaan.

Daya saing bandar dinilai melalui keupayaan sesebuah bandar dalam penghasilan barangan atau perkhidmatan berupa yang menepati piawaian antarabangsa (OECD, 2001). Pada masa yang sama, bandar yang kompetitif mampu mengekalkan pulangan yang tinggi secara berterusan dan meningkatkan pendapatan domestik serta peluang pekerjaan. Sementara itu, Boddy dan Parkinson (2004) dan Rondinelli (2001) menekankan pengukuran daya saing bandar melihat kepada keupayaan sesebuah bandar dalam mengadaptasikan perubahan semasa untuk memenuhi keperluan pasaran global. Sebagai contoh, perubahan dari segi infrastruktur, kualiti hidup, tenaga kerja mahir, pendidikan, pemikiran kreatif dan inovasi, serta kemampuan pihak kerajaan dan swasta dalam menggalakkan pengaliran masuk pelaburan dan modal asing untuk menghasilkan produk bandar yang tinggi (Rondinelli, 2001).

Webster dan Muller (2000) menjelaskan bahawa bandar yang berdaya saing mampu menghasilkan dan memasarkan barangan dan perkhidmatan yang berkualiti

melalui faedah bandingan yang dimiliki. Proses ini akan menghasilkan sebuah bandar kreatif yang mampu menjana ekonomi, inovasi, budaya, penyelidikan dan pengeluaran serta mengukuhkan modal identiti tersendiri. Seterusnya, mereka turut berpandangan bahawa perkhidmatan yang tidak boleh didagangkan seperti perkhidmatan tempatan adalah sebahagian daripada persaingan bandar. Namun begitu, bandar yang kreatif boleh dilihat dari segi reka bentuk, promosi dan pengaktifan kawasan bandar berdasarkan ciri- ciri tempatan bandar tersebut (Sepe, 2014).

Menurut Lever dan Turok (1999), sebuah bandar yang berdaya saing mampu menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang memenuhi kehendak pasaran tempatan, negara mahupun antarabangsa. Selain itu, bandar yang berdaya saing turut mampu meningkatkan pendapatan, kualiti hidup, dan pembangunan negara yang mampan. Proses pembentukan semula (*regeneration*) bandar yang melengkap dengan aspek daya saing memberi kesan kepada beberapa pembolehubah seperti pekerjaan, pendapatan dan input. Proses tersebut membolehkan ekonomi, sosial dan persekitaran fizikal sesebuah bandar menjadi lebih baik (Singhal, McGreal & Berry, 2013b). Selanjutnya, sebuah bandar yang berdaya saing perlu mempunyai kelebihan dalam bidang keusahawanan, kewujudan sistem sokongan perniagaan dan persekitaran yang inovatif (Dijk, 2004).

Dari sudut lain, Hall dan Pfeiffer (2013) menjelaskan bandar yang berdaya saing mampu meningkatkan kualiti input untuk mencapai tahap pembangunan ekonomi yang tinggi. Secara umumnya, teori pembangunan memerlukan gabungan antara peranan bandar dan wilayah sebagai elemen utama dalam proses pembangunan ekonomi (Scott & Storper, 2003). Pandangan tersebut menekankan peranan penting

pelaksanaan dasar dan polisi yang berkaitan dengan ekonomi aglomerasi positif dan pembangunan di bandar yang lebih miskin. Bailey, Docherty dan Turok (2002) dan Du et al. (2014) pula menerangkan bandar yang berdaya saing mempunyai ciri-ciri yang kompleks dan multi dimensi. Ciri-ciri tersebut merujuk kepada alam sekitar, pembangunan industri, perkhidmatan dan kesejahteraan. Penilaian daya saing bandar tidak hanya mengukur daripada satu petunjuk sahaja malah menyeluruh. Oleh itu, daya saing bandar dapat dinilai dengan beberapa petunjuk yang berbeza.

Porter (1995; 1996; 2011) berpandangan bahawa pendekatan persaingan antara bandar dan negara amat berbeza. Persaingan bandar adalah berdasarkan pelaburan mudah alih, penduduk, pelancongan, hasil kerajaan tempatan dan kegiatan besar-besaran seperti Sukan Olimpik. Persaingan dinilai dari segi kemahiran, tahap pendidikan, infrastruktur, sistem pentadbiran kerajaan tempatan, piawaian alam sekitar dan kualiti hidup yang tinggi. Sebaliknya, persaingan antara negara pula melihat kepada beberapa pembolehubah ekonomi seperti perdagangan antarabangsa, kadar bunga dan kadar pertukaran mata wang asing. Oleh itu, sesebuah bandar tidak dapat bersaing sebagaimana persaingan antara negara (Porter, 1995; 1996; 2011). Daya saing bandar memainkan peranan yang penting untuk pembangunan sosial dan ekonomi untuk mempercepat proses urbanisasi (Li & Ma, 2011).

Dalam hal ini, Kresl (1995) mengemukakan enam syarat untuk mencapai sebuah bandar yang berdaya saing. Kebanyakan syarat dilihat dari perspektif ekonomi: a) pekerjaan yang dicipta mesti berkemahiran tinggi dan berpendapatan tinggi, b) pengeluaran harus berevolusi ke arah barangan dan perkhidmatan yang bersifat alam sekitar, c) pengeluaran harus tertumpu kepada barangan dan perkhidmatan yang

memenuhi ciri-ciri, seperti keanjalan permintaan yang tinggi, d) kadar pertumbuhan ekonomi yang sesuai, supaya mencapai guna tenaga penuh tanpa menjana aspek negatif terhadap pasaran, e) bandar harus mempunyai pengkhususan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi supaya dapat menjamin masa depan dan f) bandar yang berdaya saing mampu meningkatkan kedudukannya di hierarki bandar.

Deas dan Giordano (2001) dan Porter (1990) menyatakan produktiviti mampu menggambarkan tahap daya saing sesebuah bandar. Akan tetapi, faktor yang mempengaruhi produktiviti akan menghasilkan sesuatu yang bernilai kepada bandar untuk menarik masuk tenaga buruh mahir dan pelabur tempatan mahupun asing. Tumpuan daripada industri mampu mencerminkan tahap pencapaian dan kedudukan sesebuah bandar dalam hierarki peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa (Deas & Giordano, 2001; Porter, 1990). Bandar yang berdaya saing menunjukkan perkembangan pekerjaan yang pesat, menarik minat orang ramai dan menawarkan peluang nilai tambah yang tinggi (Hu, 2015b).

2.2.2 Pendekatan Menilai Daya Saing Wilayah

Terdapat pelbagai sistem petunjuk yang digunakan dalam kajian-kajian terdahulu untuk menilai daya saing bandar. Menurut Du et al. (2014), sistem indikator bagi penilaian daya saing bandar terbahagi kepada tiga iaitu sistem susunan mudah, sistem multi-hierarki dan model input-output. Selain itu, beberapa model atau sistem indikator turut diguna pakai oleh pengkaji terdahulu seperti model piramid (Begg, 1999), model aset dan hasil (Deas & Giordano, 2001) dan model fungsi daya saing (Kresl, 1995). Bahagian seterusnya membincangkan secara terperinci model-model penilaian tersebut.